

ELECTRONIC TELEGRAPHIC TRANSFER (e-TT)

SISTEM JANAAN NOMBOR *VIRTUAL ACCOUNT (VA)* BAGI TUJUAN BAYARAN CUKAI MENGGUNAKAN MOD *TELEGRAPHIC TRANSFER*.

JANAAN NOMBOR VA DI E-TT HANYA DIBENARKAN BAGI TUJUAN BAYARAN CUKAI DARIPADA JENIS CUKAI BERIKUT :

- CUKAI PENDAPATAN
- CUKAI PEGANGAN (WHT)
- CUKAI PENDAPATAN PETROLEUM (PITA)
- KOMPAUN

KAEDAH BAYARAN :

- PERBANKAN *INTERNET*
- NOMBOR VA SEBAGAI NOMBOR AKAUN.
- BAYARAN SECARA TUNAI DAN CEK TIDAK DIBENARKAN
- KAUNTER BANK
- MESIN WANG AUTOMATIK (ATM)

SETIAP NOMBOR VA ADALAH TERHAD KEPADA SATU TRANSAKSI

MAKLUMAT LANJUT BOLEH DIPEROLEH DARIPADA MYTAX :
<https://mytax.hasil.gov.my/> > PERKHIDMATAN ezHASiL > e-TT

1. ByrHASiL

ByrHASiL merupakan gerbang pembayaran cukai dalam talian yang memerlukan pengguna untuk mempunyai akaun perbankan internet dengan mana-mana bank yang menyertai FPX.

Dengan hanya tiga langkah, kaedah pembayaran ini boleh dibuat melalui cara berikut :

- i) Bayaran menggunakan Nombor Bil; atau
- ii) Bayaran menggunakan Nombor Pengenalan Cukai (TIN).

Maklumat lanjut berhubung ByrHASiL boleh diakses melalui pautan <https://byrhasil.hasil.gov.my/>.

2. CUKAI KOPERASI

Cukai Koperasi dikenakan atas pertubuhan / badan berikut yang bermastautin dan memperoleh pendapatan di Malaysia iaitu :

- i) Koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 (Akta 502);
- ii) Pertubuhan Peladang yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1967;
- iii) Pertubuhan Peladang yang berdaftar di bawah Akta Organisasi Peladang 1973; dan
- iv) Pertubuhan Nelayan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Nelayan 1971.

Layanan Cukai Koperasi tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

Orang yang bertanggungjawab terhadap Cukai Koperasi adalah :

- i) Pengerusi Koperasi,
- ii) Setiausaha Koperasi,
- iii) Bendahari Koperasi; dan
- iv) Orang yang menjalankan mana-mana fungsi di atas.

Tanggungjawab Koperasi :

- i) Hantar Borang C1 secara e-Filing (e-C1) atau Borang C1 secara manual ke Seksyen Pengurusan Rekod dan Maklumat Percukaian HASiL (termasuk koperasi dormant),
- ii) Hantar anggaran cukai secara e-Filing (e-CP204) kecuali bagi koperasi dormant,
- iii) Bayaran Ansuran Koperasi (anggaran dibuat oleh koperasi),
- iv) Bayar baki cukai (jika ada) menggunakan CP207 sebelum / pada hari terakhir pengemukaan Borang C1 (7 bulan selepas tarikh penutupan tempoh perakaunan); dan
- v) Simpan rekod dan buku akaun selama 7 tahun bagi tujuan semakan HASiL.

Maklumat lanjut berhubung Cukai Koperasi boleh diperoleh melalui Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my > Syarikat > Cukai Koperasi.

3. PENAMATAN PENGGUNAAN SETEM PELEKAT (SETEM HASIL)

Penggunaan setem pelekat (Setem Hasil) dan mesin franking pos oleh pengguna luar seluruh Malaysia sebagai kaedah penyeteman ke atas dokumen/perjanjian akan ditamatkan mulai 1 Januari 2024.

Pembayar duti adalah dibenarkan untuk menggunakan Setem Hasil bagi urusan penyeteman dokumen/perjanjian sehingga 31 Disember 2023 sahaja dan dinasihatkan untuk menghabiskan Setem Hasil yang berada dalam simpanan masing-masing. Bagi sebarang Setem Hasil yang tidak digunakan, tiada tuntutan bayaran balik dibenarkan atau diganti dengan wang tunai.

Permohonan penyeteman dan pembayaran duti setem boleh dilakukan secara dalam talian melalui portal Sistem Taksiran Dan Pembayaran Duti Setem (STAMPS) di pautan <https://stamps.hasil.gov.my>.

4. INFO PKPS 2.0 : MANFAAT PKPS

Melalui PKPS 2.0 ini, kadar penalti yang dikenakan adalah seperti berikut:

Kategori Pengakuan Sukarela	Kadar Penalty
Pembayar cukai baharu	0%
Pembayar cukai sedia ada yang : i) Tidak mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) bagaimana-mana tahun taksiran yang terlibat ; atau ii) Telah mengemukakan BNCP tetapi tidak melaporkan pendapatan yang tepat dan teratur selaras dengan ketetapan HASiL yang sedang berkuat kuasa bagi tahun taksiran yang terlibat.	0%
Pembayar cukai yang tidak melaporkan pelupusan aset bagi tahun taksiran yang terlibat.	0%
Pembayar duti yang mengemukakan dokumen / perjanjian yang telah disempurnakan (ditandatangani)	0%

Maklumat lanjut berhubung PKPS 2.0 boleh diperolehi daripada Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my di bawah menu Pautan Popular.

INISIATIF PENDIGITALAN PERKHIDMATAN HASIL

Fasa kedua pelaksanaan penuh penggunaan e-Perkhidmatan di semua Kaunter Perkhidmatan adalah mulai 1 Januari 2024. Pembayar cukai hendaklah menggunakan e-Perkhidmatan yang telah diwajibkan secara mandatori dan kaedah manual tidak lagi disediakan.

e-Perkhidmatan yang diwajibkan adalah :

- i) Pendaftaran Nombor Pengenalan Cukai,
- ii) Permohonan Nombor PIN,
- iii) Pengemaskinian Maklumat,
- iv) Bayaran Pendahuluan,
- v) Pengemukakan Borang Nyata, Dokumen Percukaian dan Surat Cara; dan
- vi) Permohonan dan Rayuan.

Sila layari Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my > e-Perkhidmatan bagi maklumat lanjut.